

# BN SAHAJA

# DITERIMA

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# SEMUA KAUM

# — GHAFAR

MELAKA, Ahad — Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Encik Ghafar Baba menegaskan, hanya BN yang diterima oleh semua kaum di negara ini, dan disebabkan itu, BN berani meletak calon-calon di semua kawasan, tidak seperti parti DAP dan PAS.

BN sudah pasti meletakkan calon-calonnya di semua kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya umum akan datang," kata beliau.

Beliau memberitahu, DAP hanya berani meletak calon di kawasan-kawasan Cina sahaja kerana DAP parti Cina, lagipun mereka tahu akan mengahamai kekejaman jika meletak calon di kawasan pengundi Melayu.

"Begitu juga parti PAS yang hanya berani meletakkan calon-calon di kawasan pengundi Melayu.

"Ini membuktikan BN sahajalah yang diterima oleh semua kaum negara ini," kata beliau.

Encik Ghafar yang juga Ahli Parlimen kawasan Jasin, berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung UMNO cawangan Dabai di balairaya Umbai dekat sini malam tadi.

Beliau berkata, terdapat 104 buah kerusi Dewan Rakyat dan 212 kerusi Dewan Undangan Negeri di seluruh Semenanjung Malaysia serta 48 buah kerusi bagi setiap buah negeri di Sarawak dan Sabah.

Encik Ghafar yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia,

berkata PAS kini mula memainkan lagu-lagu lama seperti 'kafir-mengkafir' seperti yang berlaku di Trengganu dan Kedah.

Beliau menyatakan di Trengganu, 'kafir-mengkafir' begitu ketara sehingga PAS membina masjid sendiri dan sekiranya lembu disembelih oleh orang UMNO, orang PAS tidak memakannya.

"PAS mula mengamuk balik dengan kafir-mengkafir dan PAS bertanggungjawab ke atas segala dosa sekiranya ia memesongkan fikiran orang-orang Islam dengan mengatakan PAS itu sendiri adalah Islam," kata Encik Ghafar.

## Kerusi

Encik Ghafar berkata, BN bersedia menerima PAS semula seperti dalam tahun 1974 dan ini telah pun disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Orang-orang PAS mesti ingat mereka menunaikan fardu haji ke Mekah misalnya, dengan menaiki kapal terbang MAS dan sepatutnya mereka berterima kasih kepada UMNO yang berjaya membentuk kerajaan sehingga wujudnya MAS. Itu bukan kebendaan?" katanya.

Encik Ghafar mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan memandang PAS sebagai musuh kerana bagi BN, ahli-ahli PAS itu adalah umat Islam tetapi cara parti PAS itu tidak boleh diterima BN.